

Headline **Pelacuran berjaya lonjak ekonomi Thailand**  
Date **09 Jun 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **30**  
Article Size **319 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **4,350**  
PRValue **13,050**



# Pelacuran berjaya lonjak ekonomi Thailand

ESIAPA yang pernah menjejakan kaki ke kota Bangkok, pasti kagum dengan Lapangan Terbang Suvarnabhumi yang dibuka pada 2006. Lapangan terbang kelima tersibuk di Asia itu mengendalikan 40.5 juta penumpang sehingga 2009. Lapangan terbang itu direka bentuk oleh Helmut Jahn, terletak 25 kilometer dari Bangkok, lebih hebat berbanding Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari segi saiz, reka bentuk, hiasan dalaman dan operasi, serta kecukupan kakitangannya.

Bangkok, kota 15 juta jiwa pada tidak pernah tidur dan sentiasa mengelegak dengan kegiatan ekonomi dan perniagaan. Ini adalah syurga membeli-belah bagi mereka yang menggilai beg tangan, pakaian, kasut dan cenderamata.

Namun, di sebalik kemodenan dan kemajuan negara 64 juta penduduk itu, satu daripada kegiatan yang menyumbang kepada tiga peratus ekonominya ialah pelacuran. Antara 1993 hingga 1995, pelacuran menyumbang pendapatan tahunan sekitar RM25 bilion. Percayakah

anda, Thailand dikatakan mempunyai 2.8 juta pelacur, termasuk dua juta pelacur wanita, 800,000 pelacur kanak-kanak dan 20,000 pelacur lelaki.

Mereka membekalkan perkhidmatan seks komersial kepada lelaki hidung belang dan mereka yang mencari kelainan seks. Kita boleh katakan Thailand syurga seks komersial. Dikatakan sekitar setengah juta lelaki Thailand melanggan pelacur dalam sehari.

Ada 25 jenis pelacur di negara Gajah Putih itu, daripada pelacur jalanan, pelacur kanak-kanak, pondan, pelacur lelaki hinggalah pelacur kelas tinggi di hotel dan apartmen mewah yang mengenakan bayaran serendah RM20 hinggalah RM2,000 sekali perkhidmatan.

Jika anda pernah ke Patpong, di Jalan Silom, di tengah-tengah kota Bangkok selepas jam 7 petang, anda pasti akan melihat dari luar bangunan bagaimana gadis hanya memakai coli dan seluar dalam menari di hadapan lelaki, terutama pelancong asing.

Thailand memang maju, tetapi

jurang perbezaan pendapatan begitu menonjol antara yang kaya dan miskin, serta antara penduduk bandar dan luar bandar.

Bagi sebahagian anak gadis Thailand, pelacuran adalah jalan singkat menuju kemewahan. Pembabitatan dalam kegiatan seks komersial boleh membawa pendapatan tinggi. Ya, bagi mereka ini, mengapa perlu bekerja di kilang dengan pendapatan RM400 sebulan jika di pusat pelacuran, boleh meraih RM400 atau RM4,000 satu malam?

Mereka bekerja di rumah urut, bar go go, karaoke, bar yang menjual bir, kelab malam, apartmen, hotel dan pusat pelacuran. Di Bangkok, ada sekitar 1,500 pusat pelacuran, manakala di seluruh Thailand sekitar 8,000.

Thailand terkenal sebagai antara destinasi pelancongan seks di dunia, selain Kemboja, India, Brazil dan Mexico. Thailand juga berdepan masalah pemerdagangan wanitanya di luar negara. Seorang sarjana Thailand yang bertugas di sebuah universiti di Singapura

membentangkan kertas kerja bagaimana wanita Thailand diseludup dan menjadi pelacur di Singapura dalam satu seminar di sebuah universiti di Hat Yai, April lalu.

Malah, ada yang menyediakan perkhidmatan di dalam hutan di negara pulau enam juta jiwa itu. Semua peserta terkejut melihat gambar dipaparkan oleh sarjana itu, mengenai 'Mini Bangkok' di Singapura, lengkap dengan segala keperluan, termasuk keperluan seks daripada wanita Thai sendiri. Sebenarnya, wanita Thailand turut diseludup sehingga ke Jepun dan Eropah untuk tujuan pelacuran.

Kisah duka mereka yang diperah oleh bapa ayam, samseng, dan sindiket sering dipaparkan di dada akhbar Thailand. Bagi pelancong yang berpoket tebal, mereka boleh memilih pelacur kelas atas yang gebu dan cantik atau pelacur kanak-kanak di bawah 16 tahun.

Begitu rancaknya kegiatan itu di Bangkok terserlah apabila pemandu teksi dan tut tut bagai tahu di mana pusat pelacur kelas rendah

dan pelacur kelas tinggi menyediakan perkhidmatan mereka. Bagi pelancong asing, mereka tahu kegiatan pelacuran bukan hanya bertumpu di Bangkok, malah juga di Chiang Mai, Phuket, dan Hat Yai.

Bagi lelaki Malaysia yang ingin rasai urut Thai, mereka lebih kerap ke Danok dan Hat Yai, berdekatan sempadan Malaysia. Kok Samoi, destinasi pelancongan pulau mempunyai sekitar 12,000 pelacur. Sebanyak 10 peratus daripada wang pelancong dibelanjakan untuk pelacur di pulau ini.

Banyak pengkaji menulis mengenai kegiatan pelacuran di negara ini. Jika anda rajin singgah di kedai buku di kompleks beli-belah di Siam Paragon, anda boleh saja membeli dan membaca buku seperti *Travels in The Skin Trade*, *Patpong Sisters: An American Woman's View of The Bangkok Sex Trade*, *Ladyboy, My Name Lon*, *You Like Me?*, dan *Memoir of a Thai Prostitute*.

Thailand juga antara negara paling tinggi kadar penghidap penyakit AIDS. Jumlahnya ialah 60,000 orang, tetapi dengan pelbagai langkah diambil kerajaan, jumlah itu berkurangan. Mungkinkah negara itu dapat mengurangkan kegiatan pelacuran di kalangan rakyatnya?

**Penulis, pensyarah kanan di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, baru kembali daripada kunjungan ke Bangkok.**



Dr Jeniri Amir

[jamir@fss.unimas.my](mailto:jamir@fss.unimas.my)

FAKTA NOMBOR

**RM25 bilion**

Sumbangan pelacuran kepada ekonomi Thailand di antara 1993 hingga 1995